

04/09/1998

MBM minta rakyat terima keputusan PM

KUALA LUMPUR, Khamis - Majlis Belia Malaysia (MBM) hari ini meminta semua rakyat terutama belia menerima keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melucutkan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet dengan tenang, sabar dan bijaksana.

Presidennya, Saifuddin Abdullah, berkata belia jangan mengikut perasaan atau terbawa-bawa dengan peristiwa itu, sebaliknya perjuangan membangunkan negara mesti diteruskan seperti biasa terutama langkah menyelesaikan kegawatan ekonomi.

"Kepentingan negara mesti sentiasa diutamakan dalam semua perancangan dan pelaksanaan semua pihak," katanya, hari ini.

Menurutnya, MBM sedih dengan pemecatan itu dan menyifatkannya sebagai satu kehilangan kepada negara kerana selain bekas presiden MBM, Anwar ialah pemimpin berwibawa dan berpotensi.

Pergerakan Belia 4B pula meminta rakyat menyokong penuh dan berdiri teguh di belakang Perdana Menteri berhubung perkara itu.

Presidennya, Datuk Mohd Ali Rustam, percaya Dr Mahathir mempunyai alasan kukuh untuk berbuat demikian demi kepentingan bangsa, agama dan negara.

"Semua ahli belia 4B, Umno dan orang ramai perlu bertenang, bersatu dan memberi keyakinan penuh kepada Perdana Menteri dalam menghadapi cabaran ini.

"Kewibaaan Perdana Menteri dalam menyelesaikan pelbagai isu pada masa lalu membuktikan kebijaksanaan beliau dan saya percaya isu ini dapat diselesaikan dengan baik," katanya.

Presiden Pertubuhan Jemaah Islah Malaysia (Jim), Saari Sungip turut merakamkan rasa terkejut di atas pelucutan jawatan pemimpin berkenaan.

Beliau berkata, Jim berpendirian Anwar adalah aset negara dan menjalankan tanggungjawabnya dengan cemerlang untuk menampilkan imej kepimpinan berwibawa dan berjuang mewujudkan pentadbiran kerajaan bersih.

Menurutnya, Jim kesal terhadap tindakan dan layanan yang dikenakan terhadap orang yang pernah memegang jawatan kedua terpenting negara.

"Tindakan seumpama ini akan menimbulkan persoalan besar mengenai perjalanan politik negara dan kewibawaan kerajaan di mata dunia," katanya.

Setiausaha Agung Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Ahmad Shabrimi Mohamed Sidek menyifatkan pemecatan Anwar sebagai pencabulan prinsip keadilan dan demokrasi yang serius.

"Ini kerana pemecatan ini berlaku hanya berdasarkan fitnah liar," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Sementara itu, Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM), Dr Syed Husin Ali, berpendapat pelucutan jawatan Anwar tidak akan membantu memulihkan ekonomi, sebaliknya boleh mengakibatkan krisis ekonomi dan politik lebih serius.

Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang pula mencadangkan diadakan sidang Parlimen tergepang minggu depan bagi membincangkan perkara itu.

(END)